


Buku Warna dan Latihan Bahasa Istana



©<http://www.bahasa-malaysia-simple-fun.com>

Senarai Kosa Kata Bahasa Istana

Nama puteri fiksyen ini diilhamkan oleh Raja Kuning dari Patani. Lagipun, kuning merupakan warna diraja.




1. Diputerikan/diputerkan=dilahirkan

Nenda = nenek

Mangkat = meninggal dunia

Bersemayam = tinggal

Ayat: Kuning diputerikan selepas nendanya mangkat. Kuning bersemayam di sebuah istana.



2. Baginda = Dia

Ke sungai = buang air

Ayat: Seperti anak rakyat biasa, baginda pun perlu ke sungai juga



3. Tuanku = awak


Bersiram = mandi

Patik = Saya untuk orang yang bercakap dengan sultan dan ahli keluarganya.

Ayat : Datang seorang dayang dan bertanya: “ Adakah tuanku mahu bersiram?”

Selepas ke sungai, sememangnya jawabannya : “ Ya !”

“Patik sediakan air bersiram sekarang.” sembah dayang.



4. Gering = sakit

Adakalanya, baginda gering.



5. Beradu = tidur

Ayat: Apabila gering, baginda beradu.




bahasa-malaysia-simple-fun.com

6. Bersantap = makan/minum

Titah = kata

Beta = saya

Ayat: Setelah bangun, Kuning lapar. “Dayang, hidangkan alas perut. Beta ingin bersantap, “titah Puteri Kuning.



7. Hulu = kepala

Ayat : Cukup beradu dan bersantap, tidak hairanlah Kuning selamat ke peringkat dewasa sehingga rambut lebat bersinar – cukup banyak dibuat dandanan khas, ini bahagian belakang hulunya.



8. Hari keputeraan = hari jadi

Ayahanda =bapa

Berangkat = pergi

Balairung = tempat rakyat berjumpa dengan raja.

Menghadap = berjumpa

Ayat : Hari ini hari keputeraan sultan, Kuning berangkat ke balairung
untuk _____ menghadap ayahandanya.


Latihan Bahasa Istana

Isikan tempat kosong dengan bahasa istana yang sesuai. Anda boleh merujuk bahagian senarai kosa kata di depan. Lepas itu, warnakan gambar-gambar.



1. Kuning dilahirkan selepas neneknya meninggal dunia. Kuning tinggal di sebuah istana.

Kuning _____ selepas _____nya
_____. Kuning _____ di sebuah istana




2. Seperti anak rakyat biasa, dia pun perlu buang air juga

Seperti anak rakyat biasa, _____ pun perlu _____ juga



3. Datang seorang dayang dan bertanya: “ Adakah anda mahu mandi?”
Selepas buang air, sememangnya jawabannya : “ Ya !”
“ Saya sediakan air mandi sekarang,” sembah dayang.

Datang seorang dayang dan bertanya: “ Adakah _____ mahu
_____?”
Selepas _____, sememangnya jawabannya : “ Ya !”
“ _____ sediakan air _____ sekarang,” sembah dayang.



4. Adakalanya, dia sakit.

Adakalanya, _____ .



5. Apabila sakit, dia tidur.


Apabila _____, _____.



bahasa-malaysia-simple-fun.com


6. Selepas bangun, Kuning lapar. “Dayang, hidangkan alas perut, saya ingin makan, “kata Puteri Kuning.

Selepas bangun, Kuning lapar. “Dayang, hidangkan alas perut _____
ingin _____, “ _____Puteri Kuning.



6. Cukup tidur dan makan, tidak hairanlah Kuning selamat ke peringkat dewasa sehingga rambut lebat bersinar – cukup banyak dibuat dandanan khas, ini bahagian belakang kepalanya.

Cukup _____ dan _____, tidak hairanlah Kuning selamat ke peringkat dewasa sehingga rambut lebat bersinar – cukup banyak dibuat dandanan khas, ini bahagian belakang _____nya.



7. Hari ini hari jadi sultan, Kuning pergi ke balairung untuk berjumpa dengan ayahnya.

Hari ini _____ sultan, Kuning _____ ke balairung untuk _____ nya.



Tamat